

PDHS sita jentera, peralatan penceroboh tanah kerajaan


HULU BERNAM - Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDHS) mengambil tindakan tegas menyita jentera serta peralatan dalam kawasan tanah milik Kerajaan Negeri yang didakwa diceroboh dan dibakar di Sungai Tengi Selatan, di sini.

Pegawai Daerah, Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, tindakan menyita itu dibuat setelah mendapati kegiatan pihak tidak bertanggungjawab yang memusnahkan kawasan tersebut.

"Lawatan kita hari ini (semalam) jelas mendapati kawasan tanah milik kerajaan musnah seluas hampir 15 hektar akibat dibakar. Malah terdapat kawasan rizab hutan yang turut musnah dalam kejadian ini.

"Atas sebab itu, PDHS mengambil tindakan dengan menyita sebuah mesin (jentera) yang digunakan pihak tidak bertanggungjawab di kawasan ini," katanya.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan kawasan tanah di Sungai Tengi Selatan dekat Bukit Tagar, di sini, diceroboh



“ Lawatan kita hari ini (semalam) jelas mendapati kawasan tanah milik kerajaan musnah seluas hampir 15 hektar akibat dibakar.”

Nor Hisham

secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab dan dipercayai sengaja dibakar bagi memusnahkan kawasan itu untuk tujuan tertentu.

Kebakaran yang bermula sejak 12 Julai lalu itu berlanjutan hingga semalam dan dijangka berterusan lebih lama.

Bagaimanapun, operasi pemadaman akan lebih singkat memandangkan kebakaran dapat dikawal dan menjadi lebih baik setelah hujan lebat semalam.

Difahamkan, Pasukan Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu ditempatkan selama seminggu di kawasan itu bagi mengawal kebakaran.

Pada masa sama, katanya, tindakan Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) membina saluran parit bagi menyekat api merebak dapat mengekang keadaan menjadi lebih buruk.

Sementara itu, menurut Nor Hisham, pihaknya juga akan membuat kertas kerja untuk diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membenarkan kawasan yang musnah dalam kebakaran itu dipajakkan kepada anak syarikat kerajaan.

"Usaha ini dilihat, lebih memberi manfaat selain mengelak kawasan ini daripada terus diceroboh atau diteroka secara haram," katanya.



Keadaan kawasan tanah milik Kerajaan Negeri yang musnah dalam kebakaran sejak 12 Julai lalu.